

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4/1 (14)

Tarikh: 18 Disember 2008

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/ 2008

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

PENAMATAN PEROLEHAN BAGI PEMBEKALAN ALAT PROPRIETARY ELEKTRONIK DAN ALAT GANTI YANG BERKAITAN DI UTHM DENGAN CENTRAL MANAGEMENT CATALOGUE AGENCY SDN. BHD. (CMCA)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan Penamatan Perolehan Bagi Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Di UTHM dengan pihak Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.21/2006 yang bersidang pada 6 September 2006 telah meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7/2005 berkenaan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan bagi tempoh tiga (3) Tahun iaitu mulai 1 Januari 2006 Hingga 31 Disember 2008 dengan pihak kontrak pusat Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA).
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil 11/2008 yang bersidang pada 17 Disember 2008 telah memperakukan perolehan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan melalui CMCA akan berakhir pada 31 Disember 2008.

3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN

- 3.1 Berdasarkan kepada para 2.1 dan 2.2 di atas, pihak Universiti hanya menerima pakai Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7/2005 berkenaan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan untuk tempoh tiga (3) Tahun sahaja iaitu mulai 1 Januari 2006 Hingga 31 Disember 2008 dengan pihak CMCA.
- 3.2 Oleh itu, mulai 1 Januari 2009 penggunaan dan tatacara perolehan secara kontrak pusat untuk Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan dengan pihak CMCA adalah dengan sendirinya berakhir.

- 3.3 Sehubungan dengan itu, mulai 1 Januari 2009 semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki menggunakan tatacara perolehan melalui sebutharga, tender dan tatacara lain yang sedang berkuatkuasa bagi perolehan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009.

5.0 PEMBATALAN PEKELILING

Dengan terpakainya Surat Pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 7/2006, Pekeliling Bendahari Bil.3/2007 dan Pekeliling Bendahari Bil. 12/2008 adalah dibatalkan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ 7050

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Ketua Unit Audit Dalam